



OGOS 2022

WARTA CAHAYA

Salam setiakawan!

Kawan-kawan kami yang gembira!

Terima kasih kerana masih bersama. Salam merdeka. Moga-moga kita semua dapat meniup semangat kebersamaan dan setiakawan yang berterusan.

Merdeka sepenuhnya!

KENALI KAMI!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

APA KAMI BUAT?

Cahaya Learning Centre atau Pusat Pembelajaran Alternatif juga dibangunkan untuk tujuan program pendidikan alternatif.

Program berkaitan seperti Prihatin Cahaya iaitu program kebajikan sosial, program secara berkala seperti Webinar Cahaya yang mendiskusikan topik ragam bersangkut pendidikan, hak asasi manusia dan ketanpanegaraan serta Garaj Cahaya turut digerakkan di bawah Cahaya Society.



Bikin apa?

O g o s 2 0 2 2



1) Surau Komuniti Opak

Kita mendapat sumbangan wakaf set lengkap tafsir Hamka, rak untuk Al Quran dan bahan lain untuk kegunaan komuniti Opak. Kita juga turut melancarkan Laporan Penuh Projek Surau Komuniti Opak membabitkan fasa projek, pendana, dan kos perbelanjaan bagi tujuan transparansi. Magsukul!

2) Bengkel Kepimpinan Alternatif (BEKAL) 2022

Bengkel ini menghimpunkan 25 anak-anak mewakili setiap Pusat Alternatif; Cita Budi, Anjung Bakti, Opak Lestari, Teratak Ilmu, CLC bagi tujuan pendedahan kepada kefungsiian Pusat Alternatif sebagai ruang pendidikan dan komuniti, peranan pelajar yang merdeka dan memahami masyarakatnya serta melatih mereka untuk menjadi pembantu guru dan merancang aktiviti bersama komuniti.



3) Pesta Merdeka: Sukan Rakyat 2022

Sukan Rakyat 2022 kali ini adalah manifestasi kebersamaan sempena bulan kemerdekaan bersama komuniti. Penganjuran melibatkan komuniti ini diadakan di Padang Komuniti Teratak Ilmu melibatkan banyak acara antaranya Keropok Goyang, Paku dalam Botol, Lari dalam Guni, Tarik Tali dan Kejohanan Bola SSeapan (9 sebelah).

Bikin apa?

O g o s 2 0 2 2

(SIRI WEBINAR CAHAYA- SIRI 21)

CAHAYA
SOCIETY

Tuntutan Filipina ke atas Sabah: Apa kita kena tahu?

1 Ogos 2022 | BPM | [f](#) [yt](#)



4) Webinar Cahaya

Siri ke-21 ini kita membawa topik penting iaitu berkaitan tuntutan Waris Kesultanan Sulu ke atas Sabah yang menjadi polemik antarabangsa sejak sekian lama.

5) Kem Cita Cahaya (Ogos 2022)

Kem kali ini bertemakan kemerdekaan dan terdapat aktiviti ceramah, pertandingan koir merdeka serta makan bersama. Program ini sepenuhnya dijalankan oleh Kelab Alumni Cahaya.



6) Pelancaran Kelab Alumni Cahaya (Sesi 2022/2023)

KAC adalah pasukan yang bernaung di bawah Cahaya Society dan dikemudi sepenuhnya oleh anak-anak alumni yang sudah bergraduasi. Mereka menjalankan aktiviti bersangkut CLC, pembangunan kemahiran dan terlibat dengan advokasi. Ikuti mereka di instagram!

7) Pelancaran Cahaya FC

Selepas pemilihan antara anak-anak lelaki CLC, kita telah menubuhkan pasukan bola rasmi iaitu Cahaya FC terdiri daripada 15 orang anggota. Cahaya FC bertujuan untuk menonjolkan bakat dalam bidang sukan.



Bikin apa?

O g o s 2 0 2 2



8) Allianz4Good (AZ4G) x Cahaya Society

Kita mengadakan sesi Partnership Exploratory Meeting antara pasukan Cahaya Society dan AZ4G untuk saling berkenalan dan berkongsi ruang dan peluang untuk kolaborasi pada masa akan datang.

9) Bengkel Komuniti: Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti (PFKK)

Bengkel yang kita telah laksanakan selama 4 bulan ini berjalan dengan lancar dan kita telah mengagihkan 100 Uncang Pertolongan Cemas untuk kegunaan peribadi anak-anak ketika berhadapan dengan kecederaan kecil.



10) Kunjungan oleh Akademi Bola Musketeers

Kunjungan rasmi ini bertujuan untuk berkenalan dengan Cahaya Society dan melihat ruang untuk kolaborasi bersama Cahaya FC pada masa akan datang.


Bulan depan, bikin apa?

1) Sambutan Hari Kebangsaan 2022

Kita merancang untuk mengadakan kempen dan program merayakan Hari Malaysia 2022.

2) National Workshop for Youth CSOs

Kita akan menghantar perwakilan untuk bengkel yang dianjurkan oleh NDI di Kota Kinabalu ini pada 23-25 September 2022.





SOKONG KAMI!

*Sumbangan untuk tujuan advokasi
dan pendidikan alternatif ke:*

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

860 368 6012
(CIMB Bank)

5600 2751 2662
(Maybank)

PENGHARGAAN

Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.

Merdeka!

MEDIA

Website: cahayasociety.org
Facebook/Instagram/Twitter: Cahaya Society
Emel: cahayasociety@gmail.com

Alamat:

Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1, Jalan Leila,
90000 Sandakan, Sabah

No. Tel (Pejabat): 089 666 915

No. Tel (Admin): 017 820 6712 (En. Suardy)

The image shows a building facade with a large sign that reads "CAHAYA SOCIETY" and "EDUCATION FOR ALL". The sign is partially obscured by a central logo. The logo consists of the word "CAHAYA" in white on a dark blue background, "SOCIETY" in black on a yellow background, and "EDUCATION FOR ALL" in small black letters below. The building facade has a grid-like pattern and some text in Indonesian, including "Pendidikan Untuk Semua".

CAHAYA
SOCIETY
EDUCATION FOR ALL